

# MB Pahang tolak tuduhan konon anuti sosialisme

KUANTAN, Jumaat. — Menteri Besar, Haji Abdul Rahim Bakar yang dijangka meletakkan jawatannya sehari dua lagi, menolak lagi, menolak lagi, menolak lagi sebarang tuduhan kononnya beliau menganuti ideologi sosialisme yang tidak berpegang kepada agama dan sistem pemerintahan beraja.

Katanya, beliau sedar tohmah seperti itu sengaja diada-adakan oleh orang yang tidak senang dengan tindak tanduk dan sikapnya yang tidak bertolak ansur, terutama mereka yang ingin menangguk di air keruh.

Sambil menyangkal tuduhan seperti itu, beliau dengan tegasnya berkata, dalam menjalankan tugas-tugasnya, beliau tidak sekali-kali berniat untuk mengkhianati parti, apatah lagi agama dan bangsanya sendiri.

Haji Abdul Rahim berucap dalam perjumpaan dengan kira-kira 300 orang terdiri dari pemimpin-pemimpin dan ahli UMNO di Berserah, kawasan pilihan rayanya dan kampung asalnya, dekat sini malam tadi.

Perjumpaan kira-kira sejam itu anjuran UMNO cawangan Berserah Se-latan, cawangan di mana Haji Abdul Rahim mula bertapak dalam politik kira-kira 10 tahun lalu.

Katanya, beliau memasuki UMNO dan berjuang untuk Parti itu kerana beliau percaya UMNO adalah satu-satu parti yang telah terlalu banyak berjasa kepada rakyat, orang Melayu dan agama Islam.

"Saya sendiri banyak mendapat jasa UMNO. Sebab itu saya ingin membalas jasa yang telah dicurahkan itu", katanya.

Menurutnya, apa yang dilakukan selama ini, adalah untuk kepent-

ingan rakyat dengan menumpu perhatian berat kepada masyarakat miskin.

Sebagai contoh, katanya, beliau mahu orang-orang yang tidak ada tanah mendapat tanah.

"Apakah kerana itu saya dianggap sosialisist?", soal Menteri Besar.

Beliau tidak faham dengan tuduhan-tuduhan yang tidak berasas itu kerana "setahu saya apa yang saya buat berpandukun kepada azam saya untuk menjalankan tugas mengikut lunas-lunas Islam".

"Dengan hasrat menjalankan khidmatnya dengan sebaik-baiknya, beliau barangkali berdegil untuk meneruskan tindak tanduk yang dirasakan betul", katanya.

## Dolak-dalik

Beliau juga ingin memberi sumbangan termasuk menarik orang-orang muda yang berpelajaran tinggi supaya UMNO bertambah kuat di samping memperbaiki apa yang dirasai boleh dibaiki.

Secara bergurau, beliau berkata, "takkanlah saya tak berpegang kepada agama sedangkan saya sudah dua kali naik haji".

Beliau berkhidmat untuk kepentingan negara, bangsa dan agama terutama untuk golongan miskin kerana menyedari tanggungjawab yang perlu dilakukan sebagai seorang pemimpin dan umat Islam.

"Kalau mengikut Islam sendiri, adalah haram kita makan, kalau jiran di sebelah kita tidur kelaparan".

Menteri Besar itu menjelaskan, beliau percaya tindak tanduknya lebih mirip kepada kehendak-kehendak Islam.

Beliau juga menyedari setengah

orang berpendapat beliau tidak pandai berpolitik sebab kononnya orang politik mesti berdolok-dalik.

"Malangnya saya tidak sanggup berbuat begitu. Apabila saya buat dasar, saya akan pegang dasar itu. Tidak sesiapa pun terkecualli, biarpun kakak atau ibu kandung saya sendiri", katanya dengan tegas.

Beliau percaya tuduhan buruk yang dilemparkan kepadanya bertunas dari tindak tanduknya yang "banyak sangat menyebelahi orang miskin".

"Saya datang dari keluarga miskin, jadi saya faham benar dengan kehidupan orang miskin".

Sebagai seorang pemimpin yang mahu melihat dan menentukan taraf hidup yang susah meningkat, beliau sedia membahagi-bahagikan harta tetapi mestilah dengan cara yang adil.

Beliau juga sedar, sikapnya itu bukan sahaja mengakibatkan beliau sekali-sekala 'di lambung ombak' bahkan juga menyusahkan para penyokongnya.

"Saya tidak menagih sokongan tetapi kalau orang ingin menyokong, saya menerima dengan baik. Saya juga sedar jawatan Menteri Besar bukan pusaka untuk diri saya semata-mata. Hidup dan mati saya adalah atas suara ramai", tambahnya.

Katanya, selama lebih tiga tahun memegang jawatan itu beliau banyak menghadapi 'badai'.

"Tetapi sebagai anak nelayan yang tidak gentar menghadapi gelombang di laut, saya masih mahu tetap ke laut biarpun ia bergelora", katanya.

Beliau percaya, sekiranya beliau ditakdirkan meletak jawatan, ada orang lain yang mungkin lebih bijak akan memimpin negeri itu.